

PROGRAM INDUSTRI KAMPUNG DI DALAM MENINGKATKAN EKONOMI
(PENDAPATAN) PENDUDUK DI LUAR BANDAR.

KAJIAN KES :

KAWASAN PERDA (SEBAHAGIAN DARI KEPALA BATAS).



SATU KAJIAN AKHIR YANG DISEDIAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARI SYARAT PENGANUGERAHKAN DIPLOMA PERANCANG BANDAR DAN
WILAYAH.

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH KAJIAN SENIBENA.
PERANCANGAN DAN UKUR, INSTITUT TEKNOLOGI MARA.

MEI

1990

DITERIMA
TARIKH: 15/6/90
ASA: 28/5/90
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH
KAJIAN SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR

Shudaf

INSTITUT TEKNOLOGI MARA,
KAJIAN SENIBENA, PERANCANGAN DAN UKUR,
JABATAN PETANCANG BANDAR DAN WILAYAH.

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang
disediakan

oleh:

Fadzillah Bt. Ahmad

dan

Suraiya Bt. Ismail

Bertajuk:

Program Industri Kampung Di Dalam Meningkatkan
Pendapatan Penduduk Luar Bandar (Kampung)

Kajian Kes:

Kawasan PERDA (Sebahagian Dari Kepala Batas).

Di bawah penyelia kami, kami diterima sebagai
memenuhi sebahagian dari syarat untuk mendapatkan
Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah.

Diluluskan oleh:-

(Pengerusi Panel Penilai)

(Tandatangan)

(Tarikh)

(Penyelia)

(Tandatangan)

(Tarikh)

Tuan Hj. Shamsul Bahar

Hj. Abu Bakar.

Hj. Abu Bakar 12hb. Jun. 1990

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnianya kami telah berjaya menghasilkan sebuah kajian akhir seperti yang dikehendaki.

Penyediaan kajian akhir ini merupakan salah satu dari kerja akademik bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan penganugerahan Diploma Perancang Bandar dan Wilayah di Institut Teknologi Mara.

Terlebih dahulu kami mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa dan keluarga kami yang telah banyak membantu dan memberi galakan selama 3 tahun kami belajar di ITM.

Disini, kami mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada golongan-golongan serta jabatan-jabatan yang telah banyak memberi kerjasama serta tunjuk ajar kepada kami di dalam melengkapkan serta menghasilkan kajian ini secara langsung atau tidak langsung.

Ucapan setinggi terimakasih kami juga kepada penyelia kami iaitu Encik Shamsul Bahar Haji Abu Bakar. Walaupun beliau seorang yang sentiasa sibuk dengan tugas-tugasnya tetapi beliau telah banyak menolong dan memberi tunjuk ajar serta dorongan yang sepenuhnya kepada kami dari semasa ke semasa.

Selain dari penyelia, kami juga merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang telah banyak memberi bantuan terutamanya:-

- a. En.Osman Bin Said.
Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa,
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).
- b. En. Hamzah Bin Zulkefli.
Penolong Pengurus Penyelidikan dan Penilaian,
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).
- c. En. Sabri Bin Ibrahim.
Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Wilayah,
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.
- d. En. Khairuddin Bin Mohd. Akhir.
Jurutera Kemajuan Masyarakat (KEMAS),
Ibu Pejabat KEMAS Pulau Pinang.
- e. En. Rosli Bin Ismail.
Penolong Pengurus Perbadanan Kraftangan Cawangan
Utara.
Alor setar, Kedah.
- f. Penduduk-penduduk Kampung Pematang Haji Hassan,
Permatang Sireh, Pekan Darat, Pajak Song dan
lain-lain.
- g. Senior-senior Diploma Perancang Bandar dan
Wilayah.

Akhir sekali kami mengucapkan terima kasih kepada Cik Zabedah yang telah sudi meluangkan masa menaip projek akhir kami.

ABSTRAK

Kajian Akhir ini bertujuan untuk mengkaji adakah projek Industri Kampung dapat meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar .

Kajian ini juga adalah untuk mencari jalan penyelesaian di dalam meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar. Ini adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk membasmi kemiskinan.

Dalam kajian ini dapat dipecahkan kepada beberapa bahagian yang berbeza iaitu:-

- a) Berhubung dengan kajian bertulis industri kampung
- b) Membuat kajian di kawasan kes Kajian PERDA
(Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang)
- c) Mengenalpasti masalah-masalah hasil dari kajian.
- d) Mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut dan seterusnya langkah-langkah untuk memajukan industri kampung bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

Selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 1990, perusahaan industri kampung merupakan satu langkah yang baik dalam memperkenalkan barangan tempatan dan meluaskan pasaran barangan industri kampung. Memandangkan kepada peluang tersebut, perusahaan industri kampung perlu dipergiatkan lagi.

ISI KANDUNGAN	MUKASURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iv
ISIKANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI CARTA	xii
SENARAI PELAN	xiii
SENARAI GAMBAR	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
 BAB I	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Pengenalan	2
1.2 Masalah Dalam Industri Kampung	3
1.2.1 Kurangnya Penglibatan Penduduk	3
1.2.2 Kurangnya Teknologi Moden	3
1.2.3 Kesukaran Mendapatkan Bahan Mentah	4
1.2.4 Pengendalian Pengurusan Yang Tidak Cekap	4
1.2.5 Pemasaran	5
1.3 Matlamat	5
1.4 Objektif	6
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Methodologi	7
1.6.1 Peringkat 1 Kajian Awalan	8
1.6.2 Peringkat 2 Pegumpulan Data	8

ISIKANDUNGAN**MUKASURAT**

1.6.3	Peringkat 3 Analisis Data	8
1.6.4	Peringkat 4 Penemuan Masalah	9
1.6.5	Peringkat 5 Cadangan	9
1.7	Kajian Kes	9

BAB 2

2.0	Kajian Ilmiah	13
2.1	Pengertian Industri Kampung	13
2.2	Pengertian Luar Bandar	14
2.2.1	Ciri-ciri Luar Bandar	15
2.3	Pengertian Bandar	17
2.4	Rumusan Pengertian Tajuk	18
2.5	Latar Belakang Perkembangan Industri Kampung	18
2.6	Jenis-jenis Industri Kampung	20
2.7	Pekerjaan Utama Penduduk Pulau Pinang	28
2.7.1	Taburan Pekerjaan	28
2.7.2	Tumpuan Pekerjaan	28
2.8	Pendapatan Purata Masyarakat Pulau Pinang	29
2.8.1	Keluaran Dalam Negeri Kasar	29
2.9	Kepentingan Industri Kampung	30
2.10	Agensi Yang Terlibat	31
2.10.1	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	31

ISIKANDUNGAN**MUKASURAT**

2.10.2	Kemajuan Masyarakat	36
2.10.3	Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar	39
2.11	Rumusan	42
 BAB 3		
3.0	Pengenalan Kawasan Kajian	43
3.1	Latar Belakang Kawasan Kajian	43
3.2	Agensi Yang Bertanggungjawab (PERDA)	46
3.2.1	Latar Belakang PERDA	46
3.2.2	Fungsi PERDA	47
3.2.3	Objektif PERDA	47
3.2.4	Strategi Perlaksanaan Pembangunan	48
3.2.5	Kawasan-kawasan PERDA	48
3.2.6	Peranan PERDA	57
3.2.7	Kuasa PERDA	61
3.2.8	Struktur Organisasi PERDA	63
 BAB 4		
4.0	Analisis Kajiselidik	66
4.1	Jenis-jenis Kajiselidik Yang Dijalankan	66
4.2	Kajiselidik Pengamatan	66
4.3	Kajiselidik Temubual Dengan Pengusaha- pengusaha Industri Kampung	67

ISIKANDUNGAN**MUKASURAT**

4.4	Kajiselidik Temubual Dengan Penduduk Sekitar	67
4.5	Analisis Kajiselidik	67
4.6	Analisis Kajian Industri Kampung	68
4.6.1	Jenis-jenis Industri Kampung	69
4.6.2	Jenis-jenis Industri Kampung Di Kawasan Kajian (Dikaji)	74
4.6.3	Golongan Yang Terlibat	90
4.6.4	Bahan-bahan Mentah	92
4.6.5	Kemudahan	97
4.6.6	Pasaran	101
4.6.7	Perbandingan Pendapatan Pengusaha Sebelum Dan Semasa Terlibat Dengan Industri Kampung	104
4.6.8	Pendapatan Pengusaha	105
4.6.9	Jangkamasa Penglibatan Penduduk	108
4.6.10	Perancangan Pengusaha Pada Masa Hadapan	111
4.6.11	Kesimpulan Analisis	112
4.7	Analisis Masalah	113
4.7.1	Pengenalan	113
4.7.2	Senarai Masalah	114
4.7.3	Masalah Utama	115
4.8	Analisis Penduduk	116
4.8.1	Pertumbuhan Penduduk	116
4.8.2	Pola Penghijrahan	116

ISIKANDUNGAN	MUKASURAT
4.8.3 Struktur Penduduk	117
4.8.4 Unjuran Penduduk	121
4.8.5 Taraf Pendidikan	122
4.8.6 Profail Gunatanah	124
4.8.7 Taburan Pendapatan	128
 BAB 5	
5.0 Cadangan	131
5.1 Pengenalan	131
5.1.1 Kurang Pengusaha Berbakat Dan Pekerja Mahir	132
5.1.2 Pemasaran Dan Orang Tengah	134
5.1.3 Persaingan	139
5.1.4 Kekurangan Modal	140
5.1.5 Kurangnya Bahan Mentah	141
5.1.6 Kekurangan Teknologi Moden	143
 BAB 6	
6.0 Rumusan	145
6.1 Pengenalan Industri Kampung	145
BIBLIOGRAFI	148

SENARAI JADUAL**MUKASURAT**

Jadual 1.1	Jadual Kerja	12
Jadual 3.1	Industri Di Dalam Dan Di Luar PERDA	51
Jadual 4.1	Peraturan Dan Bilangan Keluaran Barangan	70
Jadual 4.2	Kedudukan Aktiviti Industri Kampung	72
Jadual 4.3	Kategori Umur Pengusaha	91
Jadual 4.4	Bilangan Pengusaha Mengikut Sumber Bahan Mentah	93
Jadual 4.5	Penggunaan Bahan Mentah Bagi Setiap Barangan Industri Kampung	97
Jadual 4.6	Penggunaan Mesin Dalam Perusahaan	99
Jadual 4.7	Bentuk Kemudahan	100
Jadual 4.8	Tempat Pasaran Keluaran	101
Jadual 4.9	Perbandingan Pendapatan Pengusaha Dibidang Pertanian dan Industri Kampung	104
Jadual 4.10	Pendapatan Pengusaha	108
Jadual 4.11	Jangkamasa Penglibatan Penduduk	109
Jadual 4.12	Perancangan Pengusaha Masa Depan	111
Jadual 4.13	Struktur Penduduk	118

ISIKANDUNGAN**MUKASURAT**

Jadual 4.14	Struktur Penduduk	
	Mengikut Jantina	121
Jadual 4.15	Unjuran Penduduk	122
Jadual 4.16	Taraf Pendidikan Penduduk	124
Jadual 4.17	Pekerjaan Penduduk	126
Jadual 4.18	Pendapatan Penduduk	
	Di Kawasan Kajian	129

SENARAI CARTA**MUKASURAT**

Carta 1.1	Cartalir Kerja	11
Carta 3.1	Carta Organisasi PERDA	65
Carta 4.1	Kawasan Pasaran Industri	
	Kampung	102
Carta 4.2	Pendapatan Pengusaha	107
Carta 4.3	Jangkamasa Penglibatan Penduduk	110
Carta 4.4	Piramid Penduduk	120
Carta 4.5	Taraf Pendidikan Penduduk	123
Carta 4.6	Pekerjaan Penduduk	127
Carta 4.7	Pendapatan Penduduk	
	Kawasan Kajian	130

SENARAI PELAN**MUKASURAT**

Pelan 3.1	Pelan Lokasi	45
Pelan 3.2	Pelan Kawasan PERDA dan Industri Kampung	56

SENARAI GAMBAR**MUKASURAT**

Gambar 4.1	Gambar Sangkar Burung Yang Dikeluarkan Di Kawasan Kajian	76
Gambar 4.2	Perabut Rotan Yang Dikeluarkan Di Kawasan Kajian	79
Gambar 4.3	Perabut Rotan Yang Dikeluarkan Di Kawasan Kajian	80
Gambar 4.4	Gambar Perabut Kayu Yang Dikeluarkan Oleh Pengusaha	82
Gambar 4.5	Gambar Serkap Ayam Yang Dihasilkan	84
Gambar 4.6	Gambar Bahan Mentah(Mengkuang)	94
Gambar 4.7	Gambar Bahan Mentah(Buluh)	95
Gambar 4.8	Gambar Bahan(Rotan)	96

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 Borang Kaji Selidik
- Lampiran 2 Borang Panduan Kepada Pemohon
Bantuan Industri Kampung
- Lampiran 3 Keratan-keratan Akhbar
- Lampiran 4 Keratan-keratan Majalah
- Lampiran 5 Teknik Kajiselidik Dan Persampelan

BAB 1

1.0 PENDAHULUAN

Industri memainkan peranan yang penting di dalam konteks ekonomi negara Malaysia. Industri dapat dikelaskan kepada beberapa jenis iaitu industri berat, industri sederhana, industri ringan dan industri kampung. Bagi penduduk-penduduk luar bandar, lebih-lebih lagi yang mengusahakan pertanian seperti buah-buahan, perternakan dan sebagainya akan lebih tertumpu kepada industri kampung. Ini disebabkan industri kampung banyak menggunakan bahan-bahan yang berasaskan pertanian seperti buah-buahan dan sebagainya.

Dalam Rancangan Malaysia ke 5, ada dinyatakan usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan di luar bandar. Apa yang dilakukan antara lain adalah menggalakkan industri kecil yang berasaskan kepada bahan mentah dan keluaran tempatan yang sediada. Pendekatan ini dijangkakan akan memudahkan perancangan yang teratur dan luas yang berasaskan perdagangan. Secara tidak langsung ia akan memberi peluang kepada petani-petani dan penternak-penternak, mempergiatkan aktiviti mereka dan menambahkan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk lain, di dalam sektor pemerosesan dan pengilangan.

Dari apa yang dinyatakan pertanian intensif dengan pulangan untung yang banyak dapat diwujudkan. Industri kampung penting bagi mengubah dan meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar, jika ia dijalankan dengan giat.

1.1 PENGENALAN

Industri kampung merupakan industri yang dijalankan secara kecil-kecilan di kawasan luar bandar. Ianya bertujuan untuk memperbagaikan kegiatan ekonomi di luar bandar dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan penduduk. Industri ini adalah lebih berasaskan bahan mentah kampung seperti mengkuang, pandan, buah-buahan dan lain-lain. Industri yang dijalankan boleh dikategorikan sebagai industri asas tani, industri kecil dan kraftangan. Di antara hasil keluaran industri kampung adalah barangan seperti batik, jus buah-buahan, barang-barang anyaman dan lain-lain serta barangan yang bercorak seni seperti labu sayong.

Kebiasaannya industri kampung dijalankan secara berkumpulan atau berkelompok dengan bimbingan dan bantuan pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Pertanian, MARDI, Lembaga Kemajuan Wilayah, Kemajuan Masyarakat (KEMAS) serta lain-lain agensi yang berkaitan. Kadang kala industri ini

sebagai tempat bekerja sambilan selepas petani-petani selesai mengerjakan pertanian dan penternakan mereka.

Terdapat juga industri kampung yang dimiliki oleh orang perseorangan dan sesebuah keluarga, di mana ia menjalankan industri dengan operasi berakit kecil-kecilan. Di dalam Laporan Rancangan Malaysia Kedua, ia mengketegorkan industri kecil sebagai industri yang mempunyai modal kurang dari \$250,000.00 dan bilangan pekerja adalah kurang dari 25 orang.

1.2 MASALAH DALAM INDUSTRI KAMPUNG

1.2.1. Kurangnya Penglibatan Penduduk

Industri Kampung merupakan salah satu industri yang diperkenalkan sudah 10 tahun. Walaupun begitu ianya tidak dapat diterima secara terbuka oleh semua penduduk. Mereka masih lagi was-was untuk menjalankan pekerjaan secara kecil-kecilan. Oleh itu satu langkah perlu dilakukan supaya mereka dapat mengikis sikap itu.

1.2.2 Kurangnya Teknologi Moden

Teknologi moden memerlukan kos yang tinggi dan kemahuan yang tinggi. Penduduk luar bandar masih terikat dengan kaedah-kaedah tradisi kerana

ianya lebih murah dan tidak memerlukan kepakaran tertentu. Contohnya alat membatik yang menggunakan kuasa elektrik telah dicipta, tetapi ianya agak mahal. Dari itu ia seolah-olah menghalang penduduk untuk memperolehnya.

1.2.3 Kesukaran Mendapatkan Bahan Mentah

Di dalam memajukan atau mengembangkan sesuatu projek industri kampung, ada masanya ia akan mengalami kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah. Keadaan ini khususnya bagi industri kampung yang berskil besar seperti industri memproses buah-buahan sebagai jus, dan sebagainya. Ini disebabkan kebanyakan petani-petani menjalankan pertanian buah-buahan dan sebagainya secara kecil-kecilan dan tidak dijalankan dengan giat.

1.2.4 Pengendalian Pengurusan Yang Tidak Cekap

Pengurusan memerlukan kemahiran dan kebolehan serta pengalaman. Di dalam industri kampung penduduk masih tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran yang cukup untuk mengendalikan industri mereka. Ini akan menimbulkan masalah di dalam projek yang dijalankan. Oleh itu langkah-langkah yang sewajarnya perlu dilakukan supaya pengurusan yang baik diwujudkan. Di dalam

sesuatu aktiviti yang dijalankan pengurusan memainkan peranan yang penting.

1.2.5 Pemasaran

Pemasaran menjadi masalah kepada pengusaha di mana kebanyakan barangan yang dihasilkan dari industri dipasarkan melalui orang tengah. Ini ditambah lagi dengan kekurangan modal yang menyebabkan keupayaan memasarkan barangan adalah terhad. Ada juga barangan yang terpaksa dipasarkan dengan harga yang murah. Kadang-kadang terdapat juga pengusaha yang tidak dapat menerima pembayaran tunai hasil dari jualan. Di samping itu terdapat juga ejen yang memasarkan pasaran mereka, tetapi ia lebih mementingkan pasaran untuk luar negeri.

Dari masalah-masalah yang telah dinyatakan didapati untuk pengendalian industri kampung terdapat berbagai cabaran yang perlu diatasi untuk mencapai kejayaan.

1.3 MATLAMAT

Matlamat utama kajian ini adalah untuk memperbaiki program industri kampung di dalam meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar.

1.4 OBJEKTIF

- a. Mengenalpasti bilangan penduduk luar bandar dikawasan kajian yang terlibat dalam industri kampung.
- b. Mengenalpasti jenis-jenis industri kampung yang dijalankan oleh mereka.
- c. Mengenalpasti dan mengkaji tahap pendapatan penduduk di dalam industri kampung.
- d. Mengenalpasti masalah-masalah yang terdapat di dalam industri kampung.
- e. Cadangan untuk mempertingkatkan kemajuan industri kampung.

1.5 SKOP KAJIAN

Bagi mencapai matlamat dan objektif, skop kajian meliputi masyarakat sekitar dan keperluan pengusaha setempat terhadap industri kampung dan cara pengurusan yang bakal dijalankan dan yang telah dijalankan. Pada keseluruhannya, kajian ini adalah untuk menentukan kejayaan program industri kampung di dalam meningkatkan ekonomi penduduk tempatan. Skop kajian adalah meliputi:-

- a. Jenis-jenis industri kampung.
- b. Kategori industri kampung yang banyak